



## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

### **Great Eastern Takaful dan Universiti Teknologi Malaysia Mengiktiraf Inovator Cemerlang Menerusi GREAT Innovation Challenge**

*Daripada pembelajaran AI kepada penyelesaian dunia sebenar, inisiatif ini memupuk bakat berteraskan kelestarian di seluruh Malaysia*

**13 Mei 2026, Kuala Lumpur** – Great Eastern Takaful Berhad (GETB), dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur menerusi *Centre for Artificial Intelligence & Robotics (CAIRO)*, telah berjaya menutup tirai GREAT Innovation Challenge (GIC) menerusi Majlis Penutup dan Pameran Akhir, sekali gus meraikan inovasi serta kreativiti para pelajar universiti dari seluruh negara.

Dilancarkan pada September 2025, pertandingan berskala nasional ini menguji pelajar universiti dan kolej di Malaysia untuk mencipta semula mesin *upcycling* kepada mesin yang mempunyai sistem mekanikal yang lebih pintar, mudah alih dan dipertingkatkan dengan integrasi kecerdasan buatan (AI), bagi menukar sisa plastik kepada produk berguna secara inovatif dan lestari. Inisiatif ini terlahir daripada usaha Great Eastern Takaful dalam memperkenalkan hasil semula menerusi Jelajah Upcycling, yang mencerminkan komitmennya terhadap kelestarian, literasi kewangan serta usaha memupuk kesedaran alam sekitar dalam kalangan komuniti di seluruh Malaysia sejak 2022.

Majlis Penutup yang berlangsung di Residensi Grand Banquet Hall, UTM Kuala Lumpur ini menghimpunkan para pelajar universiti, pakar industri dan pemimpin akademik dalam program seharian, yang bukan sahaja mengiktiraf para inovator terbaik, malah memberi inspirasi kepada pelajar muda melalui pendedahan secara praktikal terhadap kecerdasan buatan (AI) dan teknologi maju. Sepanjang program, para finalis mempamerkan prototaip inovasi masing-masing serta membentangkan konsep, fungsi dan potensi impak sosial masyarakat kepada barisan juri dan tetamu jemputan. Penyertaan dinilai berdasarkan beberapa kriteria utama termasuk inovasi, reka bentuk teknikal, kebolegunaan, ujian dan pengesahan mesin, serta impak sosial dan alam sekitar, bagi memastikan penyelesaian yang diketengahkan bukan sahaja kreatif, malah praktikal dan boleh dikembangkan.

Menurut Puan Jasveen Kaur Marne, Wakil Dilantik Great Eastern Takaful, “*GREAT Innovation Challenge* mencerminkan komitmen kami dalam memperkasakan generasi akan datang dengan pengetahuan, kemahiran dan minda yang diperlukan untuk menghadapi dunia yang semakin digital dan kompleks. Dengan menggabungkan inovasi berteraskan tujuan, kami berinspirasi untuk mengilhamkan penyelesaian yang bukan sahaja memajukan teknologi, malah memberi impak bermakna kepada masyarakat. Di Great Eastern Takaful, kami bukan sekadar menyediakan perlindungan Takaful, tetapi

juga komited dalam membentuk pemimpin masa hadapan yang akan memacu perubahan positif dan menyumbang ke arah persekitaran yang lebih lestari.”

Majlis Penutup dan Pameran Akhir ini telah diserikan dengan kehadiran Puan Jasveen Kaur Marne, Wakil Dilantik Great Eastern Takaful, bersama Professor Dr. Fauziah binti Sh. Ahmad, Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur, serta barisan pengurusan Great Eastern Takaful dan UTM Kuala Lumpur, rakan strategik iaitu *Centre for Artificial Intelligence and Robotics (CAIRO)* dan *Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE)*, para juri teknikal dan para pelajar.

Pertandingan ini diakhiri dengan pengumuman para pemenang yang mengiktiraf kreativiti luar biasa, kecemerlangan teknikal dan keupayaan menyelesaikan masalah secara inovatif. Pasukan Vanta telah dinobatkan sebagai pemenang hadiah utama, membawa pulang RM12,000 hasil daripada penyelesaian inovatif yang menampilkan fungsi kukuh serta kebolegunaan dalam dunia sebenar. Hadiah kedua bernilai RM8,000 dimenangi oleh pasukan Green AI Innovator, manakala pasukan PVD memenangi hadiah ketiga berjumlah RM5,000, dengan kedua-duanya menampilkan idea yang telah dikembangkan serta berpandangan jauh. Selain itu, dua lagi pasukan, Codespark dan Monoglobal, turut menerima hadiah saguhati.

Menurut Professor Dr. Fauziah binti Sh. Ahmad, Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur, “Pertandingan ini menyediakan platform berharga kepada pelajar untuk menterjemahkan idea kepada inovasi nyata. Menerusi penilaian, ujian dan fungsi yang teliti, para peserta dapat menghasilkan penyelesaian yang bukan sahaja kreatif, malah praktikal, berskala besar dan berimpak tinggi. Kerjasama kami bersama Great Eastern Takaful telah membuka peluang bermakna untuk mengetengahkan kepentingan integrasi AI dan teknologi dalam menangani cabaran alam sekitar serta menyumbang kepada masa depan yang lebih mampan.”

GREAT Innovation Challenge terus berperanan sebagai platform untuk membangunkan kemahiran sedia masa hadapan dalam kalangan pelajar, merapatkan jurang antara pihak akademik dan industri, serta menggalakkan inovasi praktikal sejajar dengan cabaran dunia sebenar. Menerusi inisiatif sebegini, Great Eastern Takaful mengukuhkan lagi komitmennya dalam memperkasakan komuniti, meningkatkan literasi kewangan dan digital, serta menyokong pembangunan generasi muda di Malaysia.

**-TAMAT-**

### **MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD**

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan teras tanggungjawab sosialnya – Financial Literacy (GREAT-Pintar) dan Meningkatkan Kualiti Hidup (GREAT-Care) demi kesejahteraan masyarakat.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia pada tahun 2023. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Pada tahun 2025, Great Eastern Takaful sekali lagi dinobatkan sebagai Pengendali Takaful Terbaik oleh The BrandLaureate BestBrands Awards selain memenangi tiga anugerah daripada HR Excellence Awards 2025. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.greateasterntakaful.com](http://www.greateasterntakaful.com). Great Eastern Takaful juga merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Great Eastern Takaful Berhad

Tel: +6016 - 209 234

E-mel: [MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com](mailto:MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com)